

PETALING JAYA

Projek pelihara penyu

Sekumpulan pelajar semester akhir Sekolah Komunikasi, Kolej Taylor menganjurkan Projek Pemeliharaan Penyu bagi membolehkan mereka mengkaji dan mengumpul maklumat mengenai habitat hidupan laut yang semakin pupus itu.

Projek disokong Kementerian Alam Sekitar, Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan Penyelidik Khas Alam Sekitar dilancarkan Pengarah Akademik Kolej Taylor Petaling Jaya, Dr Patrick Kee, baru-baru ini.

Menerusi kempen itu, semua pihak lebih prihatin terhadap penjagaan alam sekitar termasuk pemeliharaan hidupan laut, khususnya penyu.